



# MTUN

## anjur persidangan universiti teknikal

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi tuan rumah bagi penganjuran persidangan Malaysian Technical Universities Conference on Engineering & Technology (MUCET 2013) kali ketujuh melibatkan Universiti-universiti Teknikal (MTUN) yang berlangsung selama dua hari di Hotel MS Garden Kuantan pada 3 dan 4 Disember 2013 yang lalu.

Penyertaan melibatkan empat universiti termasuk UMP, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Persidangan yang bertemakan *'Rejuvenating Engineering and Technology with Human Touch'* dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Turut hadir Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTHM, Profesor Dr. Wahid Razzaly dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM, Profesor Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Noor.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir,

penganjuran persidangan MUCET merupakan lambang kerjasama dan kalaborasi terhadap empat universiti teknikal dalam berkongsi kepakaran bagi membincangkan idea-idea baru melibatkan pakar-pakar dalam bidang akademik, penyelidikan, hubungan industri, pengurusan serta serta pembuat dasar.

"Universiti-universiti MTUN ini saling berusaha mencapai kecemerlangan dan mampu berkongsi kepakaran, pengalaman dan memperkaya nilai demi meningkatkan daya saing dengan meraih pelbagai kejayaan," katanya yang menyampaikan ucapan dalam majlis pembukaan seminar itu bersama hampir 200 peserta.

Malah katanya, penganjuran bersama ini akan mengukuhkan lagi kerjasama dan kesepakatan MTUN dalam mencapai matlamat dan visi yang dihasratkan.

Beliau berharap agar persidangan MUCET ini dapat bertindak sebagai platform dan jambatan untuk terus menghasil projek atau output penyelidikan yang berinovasi serta menghasilkan penerbitan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Pemilihan tema pada ini juga bertepatan

dengan hasrat kerajaan dalam mendepani pembangunan dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi ke arah negara yang lebih berdaya saing dan berpendapatan tinggi.

Pada kali ini sebanyak 136 kertas persidangan melibatkan beberapa kategori iaitu bidang kejuruteraan awam, kejuruteraan kimia dan sumber asli, kejuruteraan elektrik, elektronik, kejuruteraan mekanikal, pembuatan dan sains dibentangkan dalam seminar ini.

Di antara yang hadir menyampaikan ucapama adalah Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dari UTeM, Profesor Dr. Vitaly Mezhyuev dari Berdyansk State Pedagogical University, Ukraine dan juga Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dari UMP.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Dekan Fakulti Teknologi merangkap Timbalan Pengerusi MUCET 2013, Profesor Madya Dr. Zularisam Ab Wahid.